

Foo Weng Kar dan Siti Rahmah terima Anugerah Pelajaran Diraja



Kuantan, 18 November- Berpegang dengan pepatah, "Kasih ibu sampai ke syurga, kasih ayah sepanjang masa," menjadikan ibu bapanya sebagai pembakar semangat Foo Weng Kar kekal cemerlang apabila menerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang) pada Majlis Konvokesyen Ke-12 Universiti Malaysia Pahang (UMP hari ini).

Selepas kelahirannya, ibunya Yeoh Phak Lim Umur, 48 sanggup berkorban dengan meletak jawatan dan menjadi suri rumah sepenuh masa manakala bapanya, Penyelia Kanan di Mac Publication Sdn. Bhd., Foo Huoo Ming, 56, berusaha bersungguh-sungguh memerah keringat bagi menampung perbelanjaan keluarga.

Menurut anak kelahiran Pulau Pinang ini beliau sentiasa memegang kata-kata dorongan dan motivasi daripada ibunya untuk terus mencapai keputusan cemerlang. Bapanya pula sentiasa memberi sokongan penuh dari segi fizikal dan mental kerana tanpa ilmu akan sukar mencari pekerjaan pada masa hadapan.

"Pendekatan membina jaringan dengan industri memberi banyak manfaat buat saya sentiasa bersedia dari segi fizikal dan mental bagi memenuhi kehendak industri. Begitu juga penting melengkapkan diri sendiri dengan pelbagai soft skills dan technical skills," katanya.

Justeru, tidak hairanlah beliau kini berkhidmat sebagai jurutera produksi di Top Glove Corporation Berhad yang merupakan pengeluar sarung tangan getah terbesar di dunia.



Anak sulung daripada empat orang adik-beradik ini merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Industri dengan Kepujian daripada Fakulti Pengurusan Industri dengan PNGK, 3.82. Foo Weng Kar bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik apabila berjaya mendapat Anugerah Dekan sebanyak tujuh kali sepanjang pengajian, malah ketokohan beliau turut terserlah apabila bergiat aktif dalam pelbagai persatuan, program dan kelab.

Selain itu, sewaktu tempoh pengajiannya, beliau telah berjaya menerbitkan penulisan sendiri bertajuk International Journal of Engineering Applied Sciences and Technology (2016) dengan berbekalkan dorongan dan bantuan daripada pensyarah beliau, Dr. Shahryar Sorooshin dan Syed Radzi Rahamadulla.

Beliau berharap dapat mencapai tahap prestasi yang cemerlang dan dalam masa yang sama bersedia berkongsi ilmu dan pengalaman dengan mahasiswa lain. Segulung ijazah yang dipegang beliau membolehkan beliau terlibat dalam mana-mana industri pembuatan ataupun pengeluaran.

Sementara itu Siti Rahmah Rahim anak kelahiran Kuala Lumpur, pemegang Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Kimia daripada Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dengan PNGK, 3.71 turut menerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang).

Beliau turut menjadikan ibunya Pegawai Penyelidik di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datin Salamah Selamat, 59, dan bapanya, Timbalan Pengarah FRIM, Datuk Dr. Rahim Sudin, 60 sebagai pendorong dan penyumbang terbesar kejayaannya kerana mereka tidak pernah jemu untuk membimbing, memberi semangat dan motivasi.

Beliau menjadikan ibu bapanya sebagai sumber inspirasi kerana walaupun dibesarkan dalam keluarga yang susah, ibu bapanya tetap berjaya dalam hidup dan menjadi pegawai penyelidik. Ini kerana, ibu bapanya tidak mahu beliau dan adik-beradiknya yang lain merasai pengalaman mereka itu. Pengorbanan dan payah jernih ibu bapanya telah menyuntik semangat untuknya bagi membalas jasa mereka.

Disediakan oleh Safriza Baharuddin dari Bahagian Komunikasi Korporat

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 22-11-2017, 14:09:14